



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM KEUSAHAWANAN #BangsaUsahawan

Kota Kinabalu, 14 Mac 2018 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama agensi-agensi di bawahnya dengan kerjasama Politeknik Kota Kinabalu telah mengadakan Program Keusahawanan #BangsaUsahawan di Politeknik Kota Kinabalu pada 14 dan 15 Mac 2018.

Tujuan utama program diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar modul keusahawanan seramai 720 orang mengenai bentuk bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh MITI dan agensi serta 15 agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang terlibat di dalam program tersebut.

Program Keusahawanan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Bolkiah Haji Ismail, Timbalan Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah mewakili Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah pada 14 Mac 2018, jam 2.30 petang. Di dalam ucapannya, YB Menteri memuji penganjuran program ini kerana ia merupakan satu usaha murni yang berterusan untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar. Beliau selanjutnya berkata bahawa para pelajar mestilah bersedia dengan gelombang Revolusi Industri Empat yang membawa perubahan drastik kepada semua aspek kehidupan. Sehubungan itu, inisiatif MITI dan Politikeknik ini dilihat selari dengan aspirasi Kerajaan melahirkan graduan yang mempunyai ciri keusahawanan, berinovatif dan menjadi *job creator*. Beliau juga memaklumkan bahawa Program Tunas Usahawan Belia Bumiputra yang dilaksanakan oleh SME Corporation Malaysia, agensi di bawah MITI telah melatih seramai 287 belia Sabah, di mana daripada jumlah ini 494 peluang pekerjaan diwujudkan dan nilai jualan terkumpul sebanyak RM3.93 juta. Beliau juga mengatakan bahawa tema #BangsaUsahawan memberi pengertian bahawa ukuran untuk menjadi Bangsa Usahawan itu bukan pada latar belakang kaum dan agama seseorang itu, tapi merujuk kepada atribut dan semangat jatidiri yang berinovasi, mengambil risiko dan menjadi *problem solver*.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Puan Zainab Othman, Pengarah Politeknik Kota Kinabalu, dan Cik Rita Elisha Mering, Pengarah MITI dan Pengarah-pengarah MIDA, MATRADE, MPC, SME Corp, SME Bank, MIDF Pejabat Wilayah Sabah.

Program yang julung kali diadakan ini merangkumi pelbagai pengisian termasuk jualan produk oleh pelajar, khidmat nasihat keusahawanan dan pelbagai aktiviti tarikan pengunjung seperti kuiz, persembahan artis persembahan tarian oleh Tourism Malaysia. Program juga memuatkan 8 sesi mudahcara dan bicara bersama agensi-agensi Kerajaan dan perkongsian usahawan belia Sabah.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Antaranya adalah Saudara Azizul Julirin, bekas peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Puan Awing Kwasin, usahawan produk lada hitam Sarawak.

-TAMAT-

**Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**Unit Komunikasi Strategik**

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)